

02/05/1998

Asnita terbuka untuk semua golongan

SEREMBAN, Jumaat - Pergerakan Wanita Umno meminta semua peringkat masyarakat, melabur dalam Amanah Saham Wanita (Asnita) apabila dilancarkan minggu depan. Naib Ketua Wanita, Datuk Napsiah Omar, berkata di sini hari ini ada pihak menganggapkan dana itu hanya untuk wanita, tetapi sebenarnya ia terbuka kepada semua.

Bercakap kepada pemberita, beliau berkata, malah pelajar juga wajar membeli saham 50 sen seunit yang ditawarkan oleh skim itu.

Bagaimanapun, beliau berkata, sehingga ini pihaknya tidak meletakkan sasaran pelabur apabila dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Selasa ini.

"Wanita Umno berharap menerima seberapa ramai pelabur yang mahu menyertai skim amanah itu dan wanita daripada parti komponen turut berikrar untuk menggalakkan ahli masing-masing membeli saham," katanya.

Napsiah berkata, mereka yang berminat menyertai skim itu, boleh membeli saham di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN).

BSN berfungsi menyelenggara segala urusan jual beli saham oleh pelabur di 464 cawangannya di seluruh negara.

Beliau yang juga Ketua Wanita Umno Negeri berharap semua lapisan penduduk negeri ini mengambil peluang melabur dalam Asnita yang dijangka memberikan dividen menarik.

"Kita akan mengadakan satu majlis pelancaran oleh Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad pada satu tarikh yang ditentukan kelak," katanya.

Asnita yang diluluskan penubuhannya oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada 23 April lalu menawarkan 400 juta unit saham pada harga 50 sen seunit.

Setakat ini, kerajaan bersetuju memperuntukkan satu bilion unit saham dengan dana permulaan RM500 juta bagi skim amanah saham itu.

Mengenai Tabung Ihsan Wanita yang dilancarkan sebelum ini, beliau memberi jaminan kepada pelabur, pihaknya akan memberi pilihan kepada mereka sama ada memindahkan simpanan kepada Asnita atau mengeluarkannya.

"Mereka akan diberikan dividen sebanyak 15 peratus bersama pelaburan yang dibuat dalam tabung berkenaan," katanya.

Katanya, tabung berkenaan yang diwujudkan untuk mengumpulkan pelaburan wanita akan dibubarkan apabila Asnita dilancarkan pada hari berkenaan.

(END)